

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)**
TARIKH : **12 MAC, 2014 (RABU)**
NO SOALAN : **NOMBOR 33**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DATO' SERI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri dan **Jabatan Perdana Menteri sendiri untuk meredakan ketegangan agama dan kaum yang semakin hari semakin memuncak mutakhir ini.**

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua ;

(Pertanyaan ini dijawab bersekali dengan Pertanyaan Lisan pada 19 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal).

Bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 9 Februari 2010. Berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman (*inclusiveness*) mengikut gagasan 1Malaysia, ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog,

berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama. Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Di samping mesyuarat dan forum formal melalui JKMPKA, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, dialog, sesi perbincangan meja bulat (RTD) dan kegiatan bersama dan galakan dengan bantuan JPNIN. Antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dan sering terlibat termasuklah *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)*, *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST)*, *Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF)*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), *Islamic Information Services (IIS)*, *Malaysia Inter-Faith Network*, *Global Peace Foundation* dan *Cheng Ho Multi Cultural & Education Trust*.

Maka, jelaslah bahawa hubungan di antara kaum untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, dialog, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (*inclusiveness*), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut Gagasan 1Malaysia.